Kehadiran pelbagai ramuan seperti; pewarna, perencat api, pemplastik, penahan perosotan, penstabilan dan lain lain lagi, yang digunakan semasa pemprosesan getah mungkin terkeluar dari permukaan tayar ke alam sekitar akibat tindakan haiwan atau persekitaran akan memburukkan lagi keadaan. Ini kerana ramuan-ramuan ini merbahaya kepada alam sekitar dan ianya mungkin boleh memusnahkan bakteria-bakteria yang membantu penyuburan tanah. Pada hakikatnya penanaman tayar adalah merugikan kerana:

- i) Pembaziran bahan mentah,
- ii) Tayar perlu diangkut ke tempat penanaman yang khas, dan
- iii) Kawasan penanaman yang luas perlu dijaga dan memenuhi tuntutan alam sekitar.

1.1.3. Skrap Getah Sebagai Sumber Tenaga

Skrap tayar berpotensi digunakan sebagai sumber tenaganya dalam sistem pemanasan menggantikan arang batu, kerana kandungan tenaga yang tinggi iaitu 32.6 mJ/kg (arang batu iaitu 18.6-27.9 mJ/kg), penghasilan SO₂, NO₂ dan partikulat yang rendah serta tidak mengeluarkan dioksin (Paul 1988). Akan tetapi, kos pengangkutan dan kos pemotongan tayar telah membataskan penggunaannya dalam sistem pemanasan. Namun demikian, Lee *et al.* (1997) mendapati, pengoksidaan skrap getah secara tertutup dapat mengelakkan berlakunya pencemaran udara di samping menghasilkan produk yang bernilai. Teknik ini melibatkan pemutusan ikatan rangkaian polimer melalui pemilihan pengoksidaan pada ikatan C-C, C-S dan S-S dengan menggunakan air pada keadaan lampau panas.

1.1.4. Serbuk Getah

Kajian yang dibuat oleh Lui *et al.* (2000) dan Klingensmith (1991) menunjukkan, pengitaran semula melalui proses fizik (pengisaran) adalah lebih ekonomi dan paling banyak digunakan berbanding dengan proses kimia. Melalui proses pengisaran, skrap getah ditukarkan menjadi serbuk supaya ianya senang dicampur semasa pemprosesan getah. Oleh itu, getah yang dikitar semula melalui proses fizik sesuai digunakan sebagai pengisi tidak mengukuh. Di USA sahaja, pada tahun 1990, 63% daripada 59% getah yang dikitar diproses melalui pengisaran ambien (pada suhu bilik) diikuti oleh pengisaran kriogenik 24% dan pengisaran basah, 13%.

Pengisaran ambien merupakan kaedah pengisaran skrap getah secara mekanik yang dijalankan pada suhu bilik. Melalui kaedah ini, serbuk getah yang bersaiz dalam lingkungan 100-600 μm dapat dihasilkan (Ball 1968). Oleh kerana proses ini dilakukan pada suhu bilik, pembentukan kumpulan radikal-radikal di permukaan serbuk getah berlaku akibat haba yang terhasil semasa proses pengisaran (Ayrey *et al.* 1956, Pike dan Waston 1952). Oleh itu serbuk getah yang terhasil mungkin dapat membentuk ikatan apabila dicampurkan dengan getah baru (*virgin rubber*).

Pengisaran basah merupakan modifikasi daripada proses pengisaran ambien yang melibatkan penggunaan cecair sebagai bahantara semasa proses pengisaran supaya saiz serbuk getah dapat dikurangkan lagi (Klingensmith 1991). Proses ini melibatkan langkah memasukkan cebisan getah kasar (850-2000 μm) ke dalam air (bahan perantaraan), seterusnya dikisar pada bukaan yang sangat rapat. Saiz serbuk getah dikawal berdasar tempoh pengisaran. Kaedah membolehkan saiz serbuk getah yang digunakan memberi hasil ekstrudat yang baik dan kepingan yang licin. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada proses ini melibatkan kehilangan haba serta pengurangan pada pembentukan radikal-radikal bebas.

Pengisaran kriogenik (Wang dan Liu 1998, Oliphant dan Baker 1993) merupakan proses pengisaran getah yang telah disejuk-beku di bawah suhu peralihan kaca. Melalui kaedah ini, serbuk getah yang dihasilkan mempunyai permukaan yang licin, geometri tertentu serta mengurangkan pengoksidaan daripada berlaku. Oleh kerana struktur morfologi yang unik, serbuk getah yang diperolehi dapat mengelakkan udara daripada

terperangkap di dalam getah yang belum dimatang. Ini seterusnya dapat mengelak wujudnya gelembung udara di dalam getah yang telah dimatang.


Keperluan untuk mengitar semula skrap getah semakin meningkat memandangkan timbunan skrap getah berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti berikut iaitu (Makarov dan Drozdovski 1986):

- i) Perkembangan dalam industri getah terutamanya automotif,
- ii) Bahan-bahan mentah dan produk yang tidak menepati spesifikasi,
- iii) Pembaziran atau lebihan bahan mentah semasa penghasilan produk, dan
- iv) Produk yang telah tamat tempoh penggunaannya.

Dalam kajian ini, serbuk getah yang digunakan merupakan hasil sampingan yang didapati daripada proses akhir dalam pembuatan produk bola getah dan telur tiruan iaitu proses penggilapan.

1.2 Getah Asli

Lateks dimana getah diperolehi boleh didapati dari pelbagai jenis pokok di serata kawasan di dunia. Namun, lateks yang mengandungi getah serta mempunyai kuantiti yang besar hanya boleh didapati dari jenis keluarga *Moraceae*, *Euphorbiaceae*, *Apocynaceae*, dan *Compositae*. Walau bagaimanapun, lateks dari sumber selain daripada *Hevea brasiliensis* mengalami beberapa kesukaran sebagai sumber getah kerana rendah kandungan getah serta tinggi kandungan bendasing, atau pun sukar untuk diekstrakkan atau mengalami penggumpalan.



Rajah 1.1 Struktur asas bagi getah asli (cis-1,4-poliisoprena)

Jadual 1.1 Komposisi-komposisi dalam getah kering dan lateks (Ismail dan Hashim 1998)

Komposisi (%)	Getah kering	Lateks
Hidrokarbon getah	93.0-96.0	30.0-40.0
Protein	1.0-3.0	2.0-2.5
Bahan organic	2.0-3.0	2.0-3.0
Abu	0.2-1.5	0.7-0.9
Lembapan	0.1-0.8	55.0-60.0
Kekotoran	0.001-0.3	-

Getah asli, *Hevea brasiliensis* gred komersial terdiri daripada rangkaian hidrokarbon yang panjang dengan unit-unit ulangan isoprena (cis-1,4-poliisoprena) serta bahagian bukan getah. Struktur asas bagi getah asli serta komposisi bagi komponen dalam getah kering dan lateks ditunjukkan seperti dalam rajah 1.1 dan Jadual 1.1.

Sebagai polimer tak berkutub, getah asli cenderung untuk larut dalam pelarut tak berkutub seperti pelarut aromatik dan pelarut alifatik. Namun demikian, keterlarutan polimer (getah asli) dalam pelarut tertentu, pada suhu yang tetap, bertambah apabila berlakunya penurunan pada berat molekul getah dan ikatan sambung-silang. Penurunan berat molekul melalui proses mastikasi adalah langkah yang penting dalam pemprosesan kerana ia dapat menurunkan kelikatan, membantu meningkatkan penyerakan pengisi dan bahan-bahan kimia, serta meningkatkan keplastikan getah (Fries dan Pandit 1981).

Penyerakan pengisi yang baik dalam getah ter Vulkan antara faktor yang menentukan sifat mekanik dan dinamik vulkanizat getah.

1.2.1 Spesifikasi Teknikal Blok Getah

Dalam tahun 1965, Skim Getah Piawai Malaysia (SMR) yang diperkenalkan oleh Malaysia merupakan perkembangan yang penting di dalam penghasilan dan pemasaran getah asli secara spesifikasi teknikal (Ismail dan Hashim 1998). Kaedah ini diperkenalkan untuk memberi saingan terhadap getah sintetik dipasaran. Ia juga memberi kelebihan dari segi pemprosesan getah asli kerana lateks yang diproses berbentuk blok (bendela) yang boleh digunakan secara terus oleh peralatan pemprosesan getah. Jadual 1.2 menyenaraikan beberapa spesifikasi getah asli berdasarkan piawaian Malaysia.

1.2.2. Perbandingan Antara Getah Asli Dan Getah Sintetik

Perbandingan diantara getah asli (NR) dan getah sintetik, poliisoprena (IR) adalah lebih sesuai kerana struktur kimianya dengan unit-unit ulangan cis-1,4-poliisoprena sama. IR mempunyai kelebihan berbanding NR dalam aspek kebersihan, pembungkusan dan

Jadual 1.2 Spesifikasi beberapa gred getah (RRIM) (Ismail dan Hashim 1998)

Parameter	SMR L	SMR 5	SMR 10	SMR 20
Kekotoran yang ditahan di atas jaring 44 μm (% berat maksimum)	0.03	0.05	0.10	0.20
Kandungan abu (% berat maksimum)	0.50	0.60	0.75	1.00
Kandungan nitrogen (% berat maksimum)	0.60	0.80	0.80	0.80
Bahan Meruap (% berat maksimum)	0.80	0.60	0.60	0.60
Keplastikan Cepat Wallace, min, P_0	30.00	30.00	30.00	30.00
Indeks Penahanan Plastisiti (PRI), min %	60.00	60.00	5.00	40.00
Kod warna penanda	Hijau muda	Hijau muda	Coklat	Merah

teknikal kualiti yang tetap. NR mengandungi sedikit kandungan protein dan asid lemak di mana secara umumnya meningkatkan kadar pematangan. Formulasi lazim bagi campuran getah asli perlu diubah untuk IR dengan penambahan asid lemak dan pencepat aldehidamina bagi mengekalkan kadar pematangan yang sama dengan NR.

NR lebih likat berbanding IR, terutamanya apabila berada di bawah suhu 100 °C. Berat molekul NR perlu diturunkan terlebih dahulu sebelum pengisi ditambah di dalam adunan, tetapi tidak perlu dilakukan untuk IR. Ini kerana IR lebih lembut (Indeks Penahanan Plastisiti [PRI], rendah) berbanding NR, oleh itu ia tidak memerlukan pramastikasi sebelum proses penyebatian. Walau bagaimanapun vulkanizat IR menunjukkan kehilangan kekuatan tensil yang tinggi selepas penuaan, peningkatan kelikatan yang tinggi semasa pemprosesan dan *green strength* yang rendah berbanding NR. Perbezaan beberapa sifat di antara NR dan IR mungkin disebabkan kehadiran oksigen sebagai kumpulan aktif yang wujud dalam molekul NR, yang mana ianya tiada dalam IR. Kebiasaannya IR diadun bersama NR untuk mengimbangi kekuatan tensil, rintangan cabikan, dan modulus, yang sangat rendah bagi IR.

1.3. Penggunaan Serbuk Getah Yang Dikitar Semula Secara Terus

Acetta dan Vergnaud (1981), telah menjalankan kajian berkaitan peningkatan gred serbuk getah tayar terkisar melalui pemvulkanan tanpa penambahan getah baru. Serbuk getah yang dikaji dihasilkan melalui pengisaran secara kriogenik dengan saiz zarah di antara 300-900 µm. Tanpa agen pemvulkanan, pengacuan serbuk getah dapat dilakukan

dengan mempelbagaikan tekanan, suhu dan masa pada acuan mampatan. Didapati peningkatan pada tekanan, suhu serta masa dapat meningkatkan kekuatan tensil, namun degradasi akan berlaku apabila suhu melebihi 200 °C. Akan tetapi, penggunaan agen pemvulkanan di dalam serbuk getah tayar terkisar akan meningkatkan kekuatan tensil, kekerasan, penurunan bagi pemanjangan pada takat putus dan juga mengurangkan kesan perbezaan tekanan terhadap sifat vulkanizat berbanding kesan perubahan pada suhu dan masa pematangan.

Phadke *et al.* (1986), telah mengkaji dengan lebih sistematik terhadap kesan serbuk getah yang diperolehi daripada proses pengisaran kriogenik, ke atas sifat getah asli. Didapati bahawa, serbuk getah mengandungi kuratif yang tak bertindak balas serta sebatian kimia sambung-silang (*precursors*). Selain itu, penyerakan sulfur dari fasa matriks getah ke fasa serbuk getah menyebabkan berlakunya penurunan pada kepekatan sulfur dalam fasa matriks getah, merupakan sebab berlakunya penurunan pada masa skorj, masa pematangan optimum serta tork maksimum. Sifat mekanik vulkanizat NR berpengisi serbuk getah dipengaruhi oleh kuantiti kuratif, saiz zarah selain daripada kandungan pengisi. Sebelum itu, Phadke *et al.* (1983), telah menyelidik mengenai kesan pemvulkanan getah ditebus guna dengan mempertimbangkan kesan penambahan kuratif. Di dapati, pemvulkanan semula serbuk getah yang dicampur dengan kuratif mempamerkan sifat mekanik yang lemah, vulkanizat menjadi lebih kaku dan rapuh. Walau bagaimanapun, sifat ini dapat dipertingkatkan lagi dengan mengadunkan serbuk getah dengan getah asli.

1.4. Pengisi

Sejak permulaan industri getah, pengisi dan pigmen telah digunakan untuk memperkuat getah disamping mengurangkan kos, pewarnaan, meningkatkan ketumpatan, dan meningkatkan sifat pemprosesan. Umumnya penguatan getah, merupakan bidang yang penting dalam teknologi pemprosesan getah. Satu definisi yang agak sesuai bagi penguatan ialah peningkatan pada satu atau lebih sifat elastomer melalui penambahan beberapa ramuan, supaya ianya lebih sesuai bagi kegunaan tertentu.

Pengisi dikelaskan mengikut sifat pengukuhannya terhadap vulkanizat iaitu, pengisi pengukuh, semi-pengukuh dan pengisi bukan pengukuh. Pengisi boleh menjadi pengisi pengukuh, semi-pengukuh atau pengisi bukan pengukuh bergantung kepada faktor ekstensiti, intensiti dan geometri (Morton 1987, Blow dan Hepburn 1982, Ismail dan Hashim 1998) yang diterangkan secara ringkas seperti berikut;

- i) Faktor ekstensiti – jumlah luas permukaan pengisi per cm^3 sebatian yang menyentuh elastomer. Semakin kecil saiz partikel semakin besar luas permukaan pengisi yang dapat berinteraksi dengan matriks seterusnya meningkatkan sifat pengukuhan. Pada asasnya pengisi bersaiz kurang daripada $1 \mu\text{m}$ memberikan pengukuhan yang baik walaupun, interaksi antara matriks dan pengisi rendah, Rodriguez dan Hamed (1993), Ames *et al.* (1996). Walau bagaimanapun, jika partikel bersaiz melebihi $1 \mu\text{m}$, pengukuhan tidak hadir atau minimum, walaupun wujud interaksi yang kuat di antara matriks dan pengisi kerana pengisi bertindak meningkatkan

tegasan (*stress-raising inclusion*) dan kekakuan, yang membantu meningkatkan kegagalan di dalam getah (Hamed 2000).

- ii) Faktor intensiti – aktiviti spesifik permukaan pepejal per cm^3 antaramuka, ditentukan oleh keadaan semulajadi fizik dan kimia permukaan pengisi dalam hubungannya dengan elastomer. Getah yang berpolar seperti getah polikloroprena (CR) dan getah akrilonitril butadiena (NBR), mempunyai interaksi yang kuat dengan permukaan pengisi berkutub seperti kumpulan hidroksil (OH) atau atom klorin. Getah hidrokarbon kegunaan umum (*general purpose hydrocarbon*) (getah stirena butadiene (SBR), poliisoprena (IR), polibutadiena (BR), etilena-propilena (EPM), dan getah asli (NR) tidak menunjukkan peningkatan pengukuhan yang ketara apabila modifikasi secara kimia dilakukan pada permukaan hitam karbon, Manna *et al.* (1999).
- iii) Faktor geometri – merangkumi dua bahagian iaitu struktur pengisi dan keporosan pengisi. Struktur digunakan dalam pengertian aglomerat (*aggregation*) pada asasnya adalah penyimpangan bentuk agregat primer daripada berbentuk sfera kepada gumpalan anisometri dan dendritik (*dendritic*). Perubahan ini menyebabkan isipadu ruang kosong pada struktur aglomerat meningkat. Pengisi yang sama luas permukaan dan sifat kimia tetapi berbeza struktur bentuk (anisometri), meningkatkan modulus tensil, kelikatan Mooney, dan histerisis vulkanizat getah dengan

Jadual 1.3 Kesan perubahan saiz partikel dan struktur bagi hitam karbon terhadap sifat mekanik vulkanizat getah SBR (Bhakuni *et al.* 1989).

Sifat	Pengurangan saiz partikel, struktur tetap	Peningkatan struktur, saiz partikel tetap
Kekerasan	Meningkat	Meningkat
Kekuatan tensil	Meningkat	Berubah
Modulus	Tiada kesan	Meningkat
Pemanjangan pada takat putus	Tiada kesan	Menurun
Resiliens	Menurun	Tiada kesan
Penyerakan	Menurun	Meningkat

peningkatan anisometri aglomerat. Dalam kebanyakan keadaan keporosan adalah sangat kecil untuk dimasuki oleh rantaian polimer, walau pun beberapa molekul yang lebih kecil dalam sebatian mungkin boleh mengisi ruang tersebut. Keporosan hanya memberi kesan sekunder pada pengukuhan berbanding luas permukaan di bahagian luar yang lebih efektif. Kesan perubahan saiz partikel dan struktur bagi hitam karbon terhadap mekanik vulkanizat getah SBR di tunjukkan dalam Jadual 1.3 (Bhakuni *et al.* 1989).

1.4.1. Mekanisme Pengukuhan Dan Kesannya


Getah tak-menghablur seperti SBR, NBR, dan EPDM mempunyai kekuatan tensil yang rendah kerana tegasan tersebar secara tidak seragam. Semasa pematangan, pembentukan sambung-silang berlaku secara rawak kerana pergerakan molekul rantai, ini menyebabkan bahagian rantaian yang terlibat mungkin tidak berada pada kedudukan yang paling sesuai. Kesannya adalah panjang rantai di antara sambung-silang tertabur secara

tak seragam dan mewujudkan tegasan mikro tempatan. Akibatnya, apabila sampel diuji dengan ujian tensil atau pun pelbagai ujian yang lain, bilangan rantai pendek atau rantai yang paling tinggi mengalami tegangan akan putus terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan rantai yang seterusnya, sehingga hanya tinggal beberapa rantai yang boleh mengagih beban berkesan. Keadaan ini benar bukan sahaja untuk *pure gum* vulkanizat getah tetapi untuk kesemua bahan pepejal.

Walau bagaimanapun, jika rantai yang paling tinggi mengalami tegangan diberi peluang menggelincir (untuk melegakan tegasan), sampel akan putus pada terikan yang lebih panjang. Taburan tegasan yang homogen dan pengagihan tegasan secara berkesan akan meningkatkan kekuatan tensil vulkanizat. Rajah 1.2 menunjukkan model gelinciran molekul yang berlaku bagi menerangkan mekanisme pengukuhan. Namun, jika regangan dilepaskan sebelum sampel ujian putus, sampel akan tersentak tetapi keadaannya berbeza dengan keadaan asal (sebelum sampel ujian). Ini kerana gelinciran yang berlaku memungkinkan, rantai-rantai yang baru berada pada panjang yang hampir sama. Oleh itu, pemanjangan yang seterusnya (kedua) akan memberi modulus yang rendah, kerana tenaga gelinciran yang tidak sempurna seperti asal. Ini menerangkan kesan Mullins atau kelembutan tegasan. Keadaan ini juga menunjukkan sebahagian daripada nilai modulus pada pemanjangan pertama merupakan sifat kelikatan dan proses pengelinciran adalah proses menghilangkan tenaga; tenaga ini pasti digunakan bagi memutuskan ikatan di dalam atau di antara rantaian molekul dan partikel (Blow dan Hepburn 1982).

Pengukuhan dikenal pasti melalui peningkatan modulus disebabkan oleh tapak-tapak dengan penyerapan tenaga yang tinggi, dan kekuatan yang tinggi di mana sebahagian besarnya tenaga digunakan ketika gelinciran rantai. Secara keseluruhannya, pengukuhan diperolehi melalui penyebaran tekanan secara seragam oleh rekahan-rekahan yang sangat kecil, dengan demikian tekanan dapat dilepaskan dan menghalang daripada peningkatan tegasan berbanding luas kawasan, apabila sampel mengalami pemanjangan yang seterusnya. Rekahan yang besar akan berkembang pada tekanan setempat yang rendah dan ketika panjang retakan meningkat, daya rekahan menjadi semakin berkurangan, yang menjadi punca bagi kegagalan katastropik (*catastrophic failure*), De Vries (1975).

Mullins *et al.* (1965) mendapati berlaku penyimpangan dari kesan Mullins (kelembutan tegasan), apabila gam getah asli juga mempamerkan fenomena yang sama. Oleh itu, kesan kelembutan tegasan bukan disebabkan oleh pengisi tetapi polimer. Walau bagaimanapun, untuk mencapai tegasan yang sama dengan vulkanizat yang berpengisi hitam karbon, gam getah asli perlu dikenakan pemanjangan yang tinggi supaya penghabluran berlaku. Hablur getah bertindak dalam cara yang sama seperti pengisi pengukuh, iaitu dengan mengagihkan tegasan secara homogen, supaya kelembutan tegasan yang serupa dapat berlaku seperti dalam kes pengisi pengukuh (Dannenberg dan Brennan 1966, Bokobza dan Rapoport 2002).



Rajah 1.2 Mekanisme pengukuhan, model gelinciran molekul yang berlaku; (a) keadaan asal; (b) kesemua rantai mengalami regangan sepenuhnya (c) selepas kesemua rantai kembali kepada panjang asal, rantaian berlingkaran di antara partikel-partikel (Blow dan Hepburn 1982)

1.4.2. Serbuk Getah yang Dikitar Semula

Swor *et al.* (1980) mendapati serbuk getah yang dikitar semula mempunyai beberapa kelebihan dalam penyebatian getah iaitu mengurangkan kos bahan mentah, meningkatkan pemprosesan, sifat mekanik yang baik, tetapi dengan sedikit pengorbanan pada prestasi produk. Kandungan sulfur dalam vulkanizat serbuk getah perlu disesuaikan bagi mendapat vulkanizat dengan sifat mekanik yang lebih baik, kerana migrasi sulfur dari matriks yang belum divulkan ke vulkanizat serbuk getah menyebabkan pengurangan kuantiti sulfur yang boleh membuat sambung-silang. Penggunaan serbuk getah yang ditebus guna dalam sebatian bunga tayar menunjukkan peningkatan rintangan pada alur rekahan berbanding sebatian kawalan.

Dalam kajian pemvulkanan semula vulkanizat oleh Layer (1992), sulfur atau pencepat mengembang ke dalam rangkaian yang telah dimatang yang diikuti dengan pemanasan sekali lagi. Penambahan sulfur menyebabkan penambahan pemvulkanan secara pesat, yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam tork reometer. Oleh kerana tiada masa induksi sebelum peningkatan tork, ini menunjukkan fragmen pemecut boleh mengambil bahagian dalam pemvulkanan. Penambahan agen pemecut mengakibatkan peningkatan sambung-silang, tetapi ianya lebih rendah berbanding penambahan sulfur. Kesan ini disebabkan oleh penurunan dalam penyusunan bilangan sambung-silang sulfur, berpunca dari peningkatan nisbah di antara pemecut dengan sulfur. Keputusan ini menunjukkan fragmen pemecut dalam serbuk getah meningkatkan pemvulkanan pada matriks. Namun beliau berpendapat, fragmen pemecut tidak semestinya mengalami pembalikan semula dari ikatan sambung-silang seperti hipotesis Skinner (1972).

Gibala dan Hamed (1994), mendapati penambahan serbuk vulkanizat getah ke dalam matriks getah diikuti oleh pemvulkanan mengakibatkan migrasi sulfur dari matriks ke partikel-partikel serbuk getah, dan menyebabkan penurunan nilai maksimum tork. Migrasi sulfur ke dalam serbuk getah vulkanizat mencetus pelepasan fragmen pemecut yang terikat pada serbuk getah vulkanizat. Penyerakan fragmen pemecut ke dalam matriks getah akan mempercepatkan pemvulkanan. Dalam tahun 1996, Gibala *et al.* mengkaji perbezaan di antara serbuk getah daripada pengisaran ambien dan kriogenik di dalam penyebatian getah baru. Didapati serbuk getah yang diperolehi dari pengisaran ambien memberi kelikatan yang lebih tinggi berbanding serbuk getah dari proses

kriogenik. Ini kerana serbuk getah ambien berbentuk lingkaran yang kompleks, kenyal, dan porous telah menyediakan ruang kosong untuk membolehkan matriks getah memasuki dan seterusnya terperangkap (*occluded*). Situasi ini tidak berlaku kepada serbuk getah kriogenik memandangkan permukaannya yang agak licin dengan menyerupai geometrik tertentu.

Ishiaku *et al.* (2000), mendapati serbuk getah ambien bertindak seperti bahan tambahan (*extender*) dan bukan sebagai pengisi kerana sifat keelastikan vulkanizat tidak mengalami perubahan yang besar, meskipun pada 70% kandungan serbuk getah. Walau bagaimanapun, Mathew *et al.* (2001) dan Jacob *et al.* (2001) menunjukkan serbuk getah boleh menjadi pengisi penguat bergantung kepada saiz, dan komposisi.

1.4.3. Hitam Karbon

Hitam karbon dihasilkan secara pembakaran tidak sempurna bahan organik (Donnet dan Voet 1976). Ciri hitam karbon merujuk kepada kumpulan produk industri yang terdiri daripada hitam relau, hitam saluran, hitam terma dan *lampblacks*. Jadual 1.4, memberi ciri-ciri hitam karbon secara ringkas berdasarkan proses penghasilannya. Sistem pengelasan piawai untuk hitam karbon yang diterima buat masa sekarang adalah sistem penamaan dua digit dalam ASTM D 1765. Jadual 1.5 menerangkan sistem penamaan dalam ASTM; lima hitam karbon pertama dari jenis pengukuh manakala tiga hitam karbon berikutnya adalah sederhana mengukuh dan yang terakhir sekali jenis bukan pengukuh. Dalam sistem ini, digit pertama menunjukkan kadar pemvulkanan, S merujuk pada pemvulkanan perlahan (hitam karbon berasid), N merujuk pada kadar pemvulkanan

Jadual 1.4 Jenis hitam karbon dan ciri

Jenis hitam karbon	Ciri
Hitam relau	-Dihasilkan melalui pembakaran tidak lengkap hidrokarbon (gas asli atau minyak) -Permukaan neutral atau beralkali -Saiz partikel di antara 40-87 nm -*Struktur tinggi
Hitam saluran	-Dihasilkan dengan mengalirkan nyalaan gas asli pada saluran besi -Permukaan berasid -Saiz partikel di antara 9-30 nm -*Struktur sederhana -Merencatkan pemvulkanan sulfur
Hitam terma	-Dihasilkan secara proses peretakan gas asli tanpa kehadiran udara -Saiz partikel di antara 120-500 nm -*Struktur tiada
Lampblack	-Dihasilkan melalui pembakaran hidrokarbon dengan kandungan udara yang terhad dalam kualiti (diameter 0.5-2 m dan kedalaman 15 cm) -Saiz partikel di antara 100 nm

*Struktur: Partikel karbon yang bergabung bersama membentuk aglomerat

Jadual 1.5 Sistem penamaan ASTM (Ismail 2000)

ASTM	Digit Kedua	Saiz partikel (nm)	Kod lama	Jenis hitam karbon
	0	1-10		
N110	1	11-19	SAF	Relau Lampau Panas
N220	2	20-25	ISAF	Relau Lelasan
N330	3	26-30	HAF	Lampau Pertengahan
N341	4	31-39	FF	Relau Lelasan Tinggi
N550	5	40-48	FEF	Relau Halus
N660	6	49-60	GPF	Relau Penyemperitan Laju
N762	7	61-100	SRF	Relau Kegunaan Umum
N990	9	201-500	MT	Terma Sederhana


lazim (hitam karbon neutral atau beralkali). Digit kedua, 0-9 menunjukkan julat saiz partikel hitam karbon.

kekuatan vulkanizat getah oleh hitam karbon bergantung kepada saiz dan luas permukaan partikel, aktiviti permukaan dan struktur yang berkait rapat dengan getah terikat Kraus (1978). Getah terikat ialah bahagian getah yang tidak boleh dipisahkan dari pengisi apabila getah yang belum divulkan dilarutkan di dalam pelarut getah yang baik (seperti toluena) dalam tempoh tertentu, pada suhu bilik. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh penyerapan secara fizik, di mana molekul bebas yang terperangkap secara fizik dan / atau melalui ikatan kimia hasil daripada sambung-silang yang wujud di antara pengisi-getah. Bagi hitam relau, kandungan getah terikat bergantung kepada luas permukaan spesifik hitam karbon (Stickner dan Falb 1964). Walau bagaimanapun, pada luas permukaan yang tetap, struktur dan aktiviti permukaan hitam karbon juga memainkan peranan dalam menentukan kuantiti getah terikat (Wolff 1996).

Terdapat dua pandangan berbeza mengenai pembentukan getah terikat semasa penyebatan getah dan pengisi iaitu;

- i) Getah terikat dianggap disebabkan oleh kesan penyerapan di mana daya van der Waals dan ikatan kimia memainkan peranan utama seperti mana yang telah dibincangkan.
- ii) Getah terikat berpunca daripada proses kimia (Rivin 1963 dan 1971). Proses ini disebabkan oleh tindak balas getah terhadap kumpulan berfungsi atau aromatik yang ada pada permukaan hitam karbon dan / atau tindak balas radikal getah yang terbentuk ketika *mechno-chemical* yang menghasilkan tapak-tapak aktif, sebagai contoh pemecahan aglomerat semasa mastikasi (Yatsuyanagi *et al.* 2001).

Kumpulan berfungsi yang hadir di permukaan hitam karbon ialah fenol, karboksil, kuinon, lakton, keton, laktol dan prinol mengambil bahagian semasa proses pematangan, tetapi ianya bergantung kepada sifat getah, sistem pemvulkanan dan kehadiran bahan penyebatian yang lain. Kehadiran kumpulan berfungsi membolehkan hitam karbon bertindak sebagai mangkin yang dapat membantu mempercepatkan proses pematangan serta boleh membuat ikatan secara terus dengan getah hidrokarbon (Studebaker, 1957). Rajah 1.3 menunjukkan kumpulan berfungsi pada permukaan hitam karbon.



Rajah 1.3 Kumpulan berfungsi pada permukaan hitam karbon

1.4.4. Silika

Sejak 1950, penggunaan silika terhidrat (*hydrated*) dan silikat sebagai pengisi sangat popular dalam penghasilan komponen bermutu tinggi seperti tayar dan produk-produk mekanik, Bachmann *et al.* (1959). Silika dan silikat adalah bahan amorfus yang

boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis berdasarkan kandungan air iaitu; terhidrat (air melebihi 3.5 %), anhidrous (air kurang daripada 3.5 %) dan aerogel (tidak menentu serta bergantung kepada teknik pemrosesan). Aerogel sebenarnya menghampiri kumpulan anhidrous kerana apabila ia dipanaskan pada suhu 105 °C, kandungan bahan-bahan teruwap boleh mencapai tahap 3.5 %, di mana sebahagian besarnya terdiri daripada bahan organik. Terdapat dua kaedah penghasilan silika iaitu kaedah mendakan dan kaedah pirogen yang telah diringkaskan oleh Ismail (2000).

Dalam tahun 1976, Wagner mendapati penggunaan silika terhidrat (mendakan) dan silikat dalam getah, mempamerkan sifat yang unik seperti berikut;

- i) Rintangan terhadap cabikan, fleks, lelasan dan haba
- i) Peningkatan dalam kekakuan, kekuatan dan modulus
- ii) Kenaikan haba rendah
- iii) Resiliens yang tinggi
- iv) Warna neutral
- v) Peningkatan kelikatan

Wagner (1976), seterusnya mendapati sifat fizik silika yang mempengaruhi kelakuan vulkanizat getah adalah;

- i) Kandungan oksida logam
- ii) Kandungan silanol
- iii) Air yang terserap
- iv) Aglomerat partikel